




Bank Pilihan Anda

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

<p>Sila baca dan fahami Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda memohon atau membuat keputusan untuk mengambil Pembiayaan Peribadi-i Kadar Terapung. Sila baca bersama terma dan syarat yang terdapat di dalam surat tawaran. Dapatkan penjelasan sekiranya anda tidak memahami mana-mana bahagian atau terma amnya.</p>	<p>BANK RAKYAT</p> <p>PEMBIAYAAN PERIBADI-i KADAR TERAPUNG</p> <p>Nama Produk : _____</p> <p>Tarikh : _____</p>
<p>1. Apakah yang ditawarkan oleh produk ini?</p>	
<ul style="list-style-type: none">• Produk ini menawarkan kemudahan tunai bagi membantu anda dalam menangani keperluan kewangan.	
<p>2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?</p>	
<ul style="list-style-type: none">• Kemudahan pembiayaan adalah di bawah prinsip syariah Murabahah (dengan menerima pakai amalan Tawarruq) di mana berdasarkan Wa'd daripada pihak pelanggan, Bank akan membeli komoditi daripada pihak pembekal komoditi dan seterusnya menjual komoditi kepada pelanggan berlandaskan kontrak Murabahah pada harga jualan (kos komoditi beserta keuntungan) secara tangguh dan kemudian, sebagai ejen (Wakalah) pelanggan, Bank menjualkannya kepada pembeli pihak ketiga dengan cara tunai. Kutipan tunai daripada pembeli pihak ketiga ini akan dimasukkan ke dalam akaun pelanggan.• Buat masa ini jenis komoditi yang digunakan adalah <i>Crude Palm Oil (CPO)</i>, <i>Plastic Resin (PE)</i> atau <i>Telco Airtime</i>.	
<p>3. Apa yang saya dapat dari produk ini?</p>	
<ul style="list-style-type: none">• Jumlah harga jualan: RM _____• Jumlah pembiayaan: RM _____• Kadar keuntungan: _____% setahun bersamaan _____% kadar rata• Kadar Asas <i>Standard</i> (KAS) semasa: _____%• Kadar efektif*: _____% setahun• Kadar siling: _____% setahun bersamaan _____% kadar rata• Tempoh pembiayaan: _____ tahun <p>*Nota: Kadar Efektif adalah Kadar Asas <i>Standard</i> (KAS) + margin/spread</p>	
<p>4. Apakah Kadar Asas <i>Standard</i> (KAS)?</p>	
<ul style="list-style-type: none">• KAS yang ditawarkan untuk produk ini adalah berdasarkan penanda aras yang ditentukan oleh Bank Negara Malaysia. Kadar penanda aras ditetapkan pada Kadar Dasar Semalaman (OPR) berdasarkan ketetapan polisi monetari seperti yang diputuskan oleh Bank Negara Malaysia.	
<p>5. Apakah faktor yang boleh menyebabkan perubahan Kadar Asas <i>Standard</i>?</p>	
<ul style="list-style-type: none">• Kenaikan dan penurunan KAS adalah bergantung kepada perubahan pada kadar penanda aras, iaitu perubahan pada Kadar Dasar Semalaman (OPR).	

6. Rujukan Kadar Asas Standard (KAS) untuk tempoh 3 tahun terkini

7. Apakah kewajipan yang perlu saya laksanakan sekiranya saya melanggan produk ini?

- Ansuran bulanan: RM _____
- Jumlah keseluruhan pada tempoh _____ tahun adalah sebanyak RM _____

Penting: Ansuran bulanan anda akan berbeza-beza jika terdapat perubahan pada kadar KAS. Walau bagaimanapun jumlah bayaran keseluruhan tidak akan melebihi harga jualan.

Kadar	Hari ini (kadar keuntungan:.....%)	Jika kadar keuntungan naik 1%	Jika kadar keuntungan naik 2%
Ansuran bulanan	RM	RM	RM
Jumlah kos keuntungan di akhir tahun	RM	RM	RM
Jumlah bayaran pembiayaan di akhir tahun	RM	RM	RM

Nota:

- Pihak Bank akan memaklumkan kepada anda sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari sebelum tarikh pelaksanaan sekiranya terdapat sebarang perubahan pada kadar keuntungan yang berkaitan dengan pembiayaan anda.
- Bayaran pendahuluan atau lebih bayaran adalah dibenarkan dan akan dikira sebagai bayaran ansuran bulan hadapan. Bayaran pendahuluan atau lebih bayaran ini akan memberikan kesan terhadap pengiraan keuntungan akaun pembiayaan anda.

8. Apakah jenis-jenis fi dan caj yang perlu saya bayar?

- Duti Setem: **0.5%** dari jumlah pembiayaan seperti yang terkandung dalam Akta Duti Setem 1949.
- Fi Wakalah atau agensi berjumlah **RM28.30** termasuk Yuran Broker.

9. Adakah saya memerlukan perlindungan takaful?

- Anda dinasihati untuk mengambil pelan takaful daripada syarikat takaful yang dilantik oleh Bank dan bersetuju membenarkan pihak Bank untuk mengambil perlindungan dari syarikat takaful tersebut. Walau bagaimanapun, anda adalah bebas untuk menggunakan mana-mana syarikat takaful di Malaysia dan anda perlu menguruskannya sendiri.

10. Bagaimana jika saya gagal memenuhi kewajipan saya?

- Caj Ganti Rugi (Ta'widh) kerana Bayaran Lewat adalah seperti berikut:

Sebelum Tamat Tempoh Pembiayaan	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak melebihi kadar satu peratus (1%) setahun ke atas jumlah ansuran bulanan tertunggak. • Tidak melebihi kadar satu peratus (1%) setahun ke atas jumlah baki Harga Jualan Tertunggak sekiranya keingkaran berterusan sehingga pembiayaan ditamatkan. • Tidak melebihi kadar semalaman semasa Pasaran Wang Antara Bank Islam ke atas baki Harga Jualan Tertunggak bermula daripada tarikh penghakiman diperolehi.
Selepas Tamat Tempoh Pembiayaan	Tidak melebihi kadar semalaman semasa Pasaran Wang Antara Bank Islam ke atas baki Harga Jualan yang belum jelas.

- Bank berhak menolak/mempelaras baki simpanan (Akaun Simpanan/Akaun Pelaburan/Akaun Saham Keanggotaan) pelanggan di Bank Rakyat sebagai bayaran ke atas jumlah tertunggak.
- Pihak Bank akan memaklumkan kepada pelanggan sekurang-kurangnya tujuh (7) hari lebih awal sebelum pelarasan ke atas baki simpanan pelanggan dilakukan.
- Bank berhak mengambil tindakan undang-undang dan segala kos ditanggung oleh pelanggan.

11. Bagaimana sekiranya saya membuat penjelasan sepenuhnya sebelum tarikh matang?

- Bank akan memberi rebat (ibra') pada jumlah baki keuntungan tertanggung/keuntungan belum terakru.
- Amaun penjelasan adalah seperti formula di bawah:

$$\text{Jumlah Penyelesaian Awal} = \text{Baki Harga Jualan} - \text{Ibra}' + \text{Caj Lewat Bayar (jika ada)}$$

Di mana;

$$\text{Ibra}' = \text{Keuntungan Tertanggung} + \text{Prinsipal yang belum dikeluarkan (jika ada)} - \text{Caj lain (jika ada)}$$
12. Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?

- Anda harus mengemukakan penjamin sekiranya diperlukan oleh pihak bank. Cagaran tidak diperlukan bagi pembiayaan ini.

13. Adakah saya perlu membayar Deposit Sekuriti (SD)?

- SD yang perlu dibayar adalah sebanyak dua (2) bulan ansuran bulanan dan jumlah tersebut akan ditolak daripada pembiayaan semasa pengeluaran dibuat dan akan dikreditkan ke dalam Akaun Khas.
- Jumlah SD akan digunakan untuk membayar jumlah tunggakan sekiranya pembiayaan mempunyai tunggakan.
- Jumlah SD perlu dikekalkan sebanyak dua (2) bulan ansuran bulanan pada bila-bila masa.

Nota: Pihak Bank akan memaklumkan kepada anda sekurang-kurangnya tujuh (7) hari lebih awal sebelum jumlah SD digunakan untuk membayar jumlah tunggakan.

14. Apa yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

- Anda hendaklah menghubungi kami dengan segera sekiranya terdapat sebarang perubahan maklumat bagi memastikan urusan surat-menyurat dapat disampaikan mengikut masa yang ditetapkan.
- Sila hubungi Pusat Panggilan di talian **1-300-80-5454** ATAU kunjungi mana-mana cawangan Bank Rakyat yang berdekatan untuk sebarang perubahan maklumat pelanggan.

15. Di mana saya boleh dapatkan maklumat lanjut?	16. Sebarang cadangan dan pertanyaan anda boleh disalurkan ke:	17. Anda boleh membuat aduan dengan menelefon:
<p>Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut sila rujuk risalah produk atau layari www.bankrakyat.com.my</p>	<p>Pusat Panggilan di talian: 1-300-80-5454</p> <ul style="list-style-type: none"> 7:30 pagi hingga 9:30 malam Talian dibuka untuk semua pertanyaan 9:30 malam hingga 7:30 pagi Talian dibuka terhad untuk menyemak status permohonan, urusan perbankan internet dan melaporkan kehilangan kad <p>Atau</p> <p>Talian Antarabangsa : +603 5526 9000</p> <p>Atau</p> <p>Talian Faksimili 03-2264 7301</p> <p>Atau emel ke telerakyat@bankrakyat.com.my</p>	<p>Pusat Panggilan di talian: 1-300-80-5454</p> <p>atau menghantar aduan anda ke</p> <p>Unit Biro Aduan Awam, Khidmat Pelanggan, Tingkat 9, Menara 1, Menara Kembar Bank Rakyat, No. 33, Jalan Rakyat, KL Sentral, 50470 Kuala Lumpur</p> <p>atau emel ke aduan@bankrakyat.com.my</p> <p>atau</p> <p>Hubungi Bank Negara Malaysia LINK or TELELINK di</p> <p>Block D, Bank Negara Malaysia Jalan Dato' Onn 50480 Kuala Lumpur Tel: 1-300-88-5465 Faks: +603-21741515 Emel: bnmtelelink@bnm.gov.my</p>
18. Dimanakah saya boleh mendapatkan bantuan dan pembelaan?		
<ul style="list-style-type: none"> Jika anda menghadapi kesukaran untuk membuat bayaran ansuran, anda perlu menghubungi pihak Bank lebih awal untuk membincangkan alternatif bayaran ansuran pembiayaan. Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan khidmat nasihat daripada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia yang menyediakan perkhidmatan percuma berkaitan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penyusunan semula hutang individu. Anda boleh menghubungi AKPK di alamat berikut: <p>Tingkat 8, Maju Junction Mall 1001, Jalan Sultan Ismail 50250 Kuala Lumpur Tel: +603-26167766 Emel: enquiry@akpk.org.my</p>		
19. Lain-lain pakej Pembiayaan Peribadi-i yang ditawarkan.		
<ul style="list-style-type: none"> Pembiayaan Peribadi-i Kadar Tetap _____ 		
<p>NOTA PENTING:</p> <ul style="list-style-type: none"> TINDAKAN UNDANG-UNDANG MUNGKIN AKAN DIKENAKAN JIKA ANDA TIDAK MELUNASKAN PEMBIAYAAN PERIBADI-i. PRODUK INI TELAH MENDAPAT KELULUSAN JAWATANKUASA SHARIAH PADA 29 APRIL 2013. HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK MESTILAH TELAH DIBACA, DIFAHAMI, DIPERSETUJUI DAN DITANDATANGANI OLEH PELANGGAN. MAKLUMAT YANG DINYATAKAN DI DALAM HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK INI SAH PADA _____ 		